

**KEUPAYAAN KOPERASI MEMBANGUNKAN MODAL SOSIAL
BONDING AHLI DALAM KOPERASI PELADANG BUKIT AWANG,
KELANTAN.**

(The Ability of Cooperative Develop Bonding Social Capital In Farmer Organisation of Bukit Awang, Kelantan.

Maisarah Che Ahmed, Sarmila M.S & Sivapalan Selvadurai

ABSTRAK

Pembangunan koperasi merupakan salah satu usaha untuk meningkatkan pembangunan ekonomi dan sosial komuniti. Koperasi dirujuk sebagai sebuah persatuan autonomi yang dibentuk secara sukarela untuk menguruskan keperluan ekonomi, sosial dan budaya melalui kawalan demokratik secara bersama. Dalam erti kata lain, koperasi ialah satu bentuk perniagaan yang melibatkan ahli bekerja secara bersama-sama untuk mencapai matlamat yang sama. Secara tidak langsung, ini menunjukkan bahawa elemen modal sosial telah tersirat dalam penubuhan koperasi menerusi hubungan antara koperasi dan ahli-ahlinya. Justeru, modal sosial menjadi elemen yang perlu diberikan perhatian dalam pembangunan komuniti. Kertas kerja ini bertujuan untuk meneliti proses pembentukan modal sosial *bonding* melalui penubuhan koperasi. Sejumlah 30 ahli koperasi telah ditemu bual dengan melibatkan koperasi peladang kawasan Bukit Awang, Kelantan. Data temu bual dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Hasil kajian mendapati melalui aktiviti koperasi dapat membentuk hubungan yang baik sesama ahli. Kesimpulannya, penubuhan koperasi berupaya membangunkan modal sosial *bonding* melalui aktiviti yang dianjurkan kepada ahli dan memberi kesan positif kepada pembangunan komuniti.

Kata kunci: Pertemuan, hubungan, berkongsi, bersama-sama, analisis tematik.

ABSTRACT

Cooperative development is one of the efforts to improve the economic and social development of a community. A cooperative is an autonomous association formed on a voluntary basis to manage economic, social, and cultural needs through a mutual democratic control. In other words, a cooperative is a form of business involving members working together to achieve the same goals. It implies that the element of social capital is implicitly embedded in the establishment of a cooperative through the relationships between the cooperative and its members. Therefore, social capital is an important element that should be focused on in community development. This paper aims to examine the process social capital bonding created through the cooperatives. Thirty cooperative members were interviewed at a farmer organisation in Bukit Awang, Kelantan. The data were analysed using the thematic analysis. The findings show that through cooperative activities, good relationship among members were created. As a conclusion, the cooperative has succeeded to develop bonding social capital through organized activities to their members and given positive impact to community development.

Keywords: meeting, relationship, share, together, thematic analysis.

PENDAHULUAN

Modal sosial dalam konteks sosioekonomi merupakan salah satu elemen penting yang perlu di beri perhatian dalam pembangunan komuniti (Woolcock, 2001). Modal sosial dilihat berkeupayaan dalam sesebuah negara untuk melahirkan masyarakat yang dinamik. Kewujudan modal sosial ini dilihat apabila terbentuknya interaksi, timbal balik, sokongan, dan rasa percaya yang wujud dalam komuniti (Melece, 2013). Pembangunan modal sosial menerusi institusi pula dilihat berperanan penting dalam memberi perkhidmatan sosial kepada komuniti di peringkat tempatan. Institusi ini menunjukkan bahawa ia bukan hanya sebuah pertubuhan yang mementingkan keuntungan dan bertindak secara sukarela tetapi turut memberi sumbangan dari segi tenaga kerja dan bantuan kewangan (Salles & Geyer, 2006). Secara tidak langsung menunjukkan bahawa elemen modal sosial wujud secara tersirat dalam penubuhan institusi koperasi.

Valentinov (2007) melihat kepentingan modal sosial dalam organisasi datang dari hubungan di antara agen, di bentuk menerusi kepercayaan (*trust*), pembelajaran (*learning*) dan budaya (*culture*) yang memberi kesan kepada aktiviti ekonomi yang dianjurkan oleh organisasi. Menurut beliau, kehadiran modal sosial menjadi keperluan utama dalam membina dan menstabilkan organisasi yang berorientasikan ahli. Beliau menambah dengan mengatakan bahawa koperasi pertanian bergantung kepada modal sosial melalui keputusan yang diambil secara sukarela oleh sekumpulan petani, beroperasi secara berterusan dengan bergantung pada rasa saling mempercayai di antara ahli.

Dalam konteks pergerakan koperasi pertanian, Woolcock (2001) pula mendapati terdapat tiga tahap modal sosial yang perlu wujud iaitu terbentuk melalui modal sosial *bonding* yang tinggi telah dimanifestasikan ke dalam organisasi tempatan. Melalui pergerakan ini telah mengembangkan jaringan, sekali gus membangunkan modal sosial *bridging* yang penting. Gabungan modal sosial untuk mendapatkan akses kepada institusi formal seperti bank dan syarikat agensi yang membawa kepada peningkatan kebajikan dan meneruskan proses pembangunan ekonomi telah terhasil menerusi modal sosial *linking*.

SOROTAN KARYA

i. Konsep modal sosial

Konsep modal sosial telah menarik perhatian ramai pengkaji dan menjadikan konsep ini sebagai konsep yang *heuristic* yang menjana kontroversi mengenai definisi, konseptual dan ukurannya (Noorasiah et al, 2015; Lang & Roesl, 2009). Secara umumnya, perkataan 'sosial' berkait dengan manusia secara berkumpulan yang mempunyai kelakuan dan berinteraksi di antara satu sama lain. Manakala 'modal' merujuk kepada sumber-sumber yang boleh digunakan untuk menjana kekayaan ekonomi. Adjargo (2012) melihat modal sosial merupakan satu konsep yang berkaitan dengan kerjasama, hubungan dan kepercayaan hasil gabungan perkataan 'modal' dan 'sosial'. Modal sosial merupakan satu input penting bagi memastikan keadaan ekonomi menjadi mampan. Banyak kajian yang telah dibuat mengaitkan modal sosial dengan hubungan sosial dan pertumbuhan ekonomi (Helliwell, 2001 & Putnam, 1993). Modal sosial digambarkan oleh Abu Sufian dan Anizah (2004) sebagai satu bidang yang bersifat *universal* kerana dikaitkan dengan pelbagai aspek seperti kesihatan, pertumbuhan ekonomi, integrasi kawasan dan globalisasi. Lang & Roessl (2009) pula merujuk modal sosial sebagai pelaburan terhadap individu dalam hubungan sosial (*social relation*) dan pulangan memberi kepentingan kepada individu dan aset kolektif.

Kebanyakan definisi standard mengenai modal sosial yang dikemukakan telah mengambil kira aspek kepercayaan, jaringan, keahlian dalam persatuan serta norma hidup yang dikongsi bersama dijadikan sebagai indikator bagi mengukur modal sosial (Rahmah et al, 2011).

Modal sosial juga boleh dikenal pasti melalui mekanisme kultural seperti agama, tradisi dan amalan kebiasaan (Fukuyama, 2001). Mekanisme ini membentuk kemampuan untuk berhubung. Kemampuan berhubung bergantung kepada keadaan komuniti untuk mencari persamaan nilai-nilai dan norma (Burt, 1992). Apabila persamaan ini ditemui, ia akan menghasilkan kepentingan kepada komuniti seperti kesetiaan, kejujuran dan kebergantungan. Ini menunjukkan modal sosial ini lebih bertumpu kepada kebajikan-kebajikan sosial secara umum. Secara kolektif, modal sosial dianggap sebagai aset penting kepada pembentukan kesejahteraan komuniti yang terlibat. Putnam (1993) mentakrifkan modal sosial sebagai ciri-ciri organisasi sosial, seperti rangkaian, norma dan kepercayaan yang membolehkan para peserta bertindak bersama-sama dengan lebih berkesan untuk mencapai objektif bersama-sama. Beliau melihat modal sosial terdiri daripada dua faktor: percaya kepada orang lain (amanah sosial) dan hubungan sosial (penglibatan sivik) dengan kehidupan komuniti mereka. Beliau juga mengatakan bahawa modal sosial menggalakkan kerjasama di antara ahli-ahli komuniti dan rangkaian sosial yang membina kepercayaan kepada orang lain, memudahkan penyelarasan dan komunikasi, dan membenarkan perbincangan secara kolektif dan menghasilkan tindakan.

Walaupun konsep modal sosial boleh diaplikasikan dalam semua situasi, namun konsep ini masih belum mempunyai satu definisi yang dipakai secara umum (Phillip & Pittman, 2009). Kajian-kajian mendapati terdapat definisi mengenai modal sosial yang berbeza di antara para pengkaji. Antara definisi yang diguna pakai untuk merujuk kepada konsep ini seperti dalam Jadual 1. Oleh kerana konsep modal sosial boleh diaplikasikan secara meluas bagi tujuan yang pelbagai, maka definisi konsep modal sosial yang dicadangkan oleh Putnam (1993) telah menjadi idea utama dalam kajian ini. Dalam kajian ini juga modal sosial dianggap sebagai organisasi sosial yang melibatkan jaringan dan membawa kepada wujudnya kerjasama, norma sosial dan kepercayaan yang meninggalkan kesan kepada komuniti terlibat.

Jadual 1: Definisi Modal Sosial

Pengkaji	Definisi
Coleman (1988)	Jangkaan dan pematuhan, saluran-saluran informasi dan norma sosial
Burt (1992)	Kemampuan masyarakat untuk melakukan perhubungan satu sama lain dan selanjutnya menjadi kekuatan yang sangat penting bukan hanya bag kedudukan ekonomi tetapi juga setiap aspek eksistensi sosial yang lain.
Cox (1995)	Suatu rangkaian proses hubungan antara manusia yang terdiri daripada jaringan, norma-norma dan kepercayaan sosial yang memungkinkan keefisien dan kerjasama untuk keuntungan dan kebajikan bersama.
Putnam (1993)	Ciri-ciri organisasi sosial seperti kepercayaan, norma dan rangkaian yang akan memperbaiki kecekapan masyarakat
Fukuyama (1995)	Serangkaian nilai-nilai atau norma-norma informal yang dimiliki bersama di antara para anggota suatu kelompok yang memungkinkan terjalannya kerjasama di antara mereka.
Knack&Keefer (1997)	Kepercayaan, norma kerjasama dan persatuan dalam kumpulan
Narayan & Pritchett (1999)	Kuantiti dan kualiti hubungan manusia dengan persatuan dan norma sosial yang berkaitan

Sumber: Adaptasi dari Rahmah Ismail, Ishak Yussof, Mohd.Nasir (2011)

ii. Modal Sosial Bonding

Modal sosial *bonding* merujuk kepada hubungan di antara manusia yang berada dalam demografi dan ciri-ciri sosioekonomi yang sama seperti keluarga, saudara terdekat dan jiran. Mereka mengenali di antara satu sama lain dan terbentuk dalam hubungan yang kukuh (Shrestha, 2015; Woolcock, 2001; Woolcock & Narayan, 2000). Hubungan yang kukuh (*strong ties*) menerusi bantuan bersama dalam konteks tempatan dan tahap penglibatan yang tinggi, akan mengakibatkan kekebalan pelbagai fungsi hubungan yang wujud (Levitte, 2004; Rahmah et al, 2011). Jadi, modal sosial *bonding* dikatakan berkecenderungan untuk mengukuhkan identiti dan bersifat pengekal *homogeneous* (Bullen & Onyx, 2005).

Menurut Hasbullah (2006) tingkah laku golongan ini berbentuk *homogenous* berkecenderungan kepada homogen. Mereka kurang merefleksikan kemampuan masyarakat tetapi mencipta tingkah laku hubungan sosial yang memiliki hubungan yang akrab. Tingkah laku ini masih terbatas disebabkan keadaan tertentu. Malahan dalam bahasa lain, modal sosial *bonding* dikatakan memiliki ciri-ciri *sacred society*. Menurut Putnam (1993), masyarakat *sacred society* mendominasi dan mempertahankan struktur masyarakat yang *totalitarian, hierarchical* dan tertutup. *Sacred society* dilihat dalam pola interaksi sosial seharian yang dituntun oleh nilai-nilai dan norma-norma yang wujud dalam hierarki dan sistem feodal.

Woolcock (2001) menerangkan modal sosial *bonding* merupakan hubungan intra-komuniti yang mana hubungan yang dibina adalah kukuh dan rapat. Beliau berpendapat bahawa tahap modal sosial *bonding* yang tinggi dalam komuniti akan memberi manfaat kepada individu dan kumpulan dalam bentuk sokongan perkhidmatan (*support services*) yang disediakan. Ini kerana ia akan menimbulkan semangat kesetiaan (*loyalty*), tanggungjawab (*obligation*) dan komitmen (*commitment*) di antara ahli (Rankin & Russell, 2010).

Kajian empirikal mengenai modal sosial *bonding* telah dilakukan oleh Rankin & Russell (2010) terhadap usahawan kecil. Golongan usahawan ini pada mulanya bergantung kepada modal sosial *bonding* yang sedia ada melalui hubungan yang wujud di antara jiran terdekat, rakan-rakan dan keluarga. Modal sosial *bonding* dilihat wujud menerusi sokongan peruntukan kredit dan insurans. Kebergantungan ini digunakan bagi membangunkan perniagaan yang mereka jalankan sebelum dikembangkan kepada orang lain.

Seterusnya kajian oleh Rahmah et al (2011) telah mendapati modal sosial *bonding* wujud menerusi hubungan akrab dengan rakan-rakan. Hubungan ini akan membentuk jaringan dan norma kepercayaan yang penting dalam menjana modal sosial positif. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa elemen yang wujud dalam modal sosial *bonding* iaitu perhubungan, kepercayaan dan norma hidup, baik untuk diamalkan dan dipertahankan oleh setiap anggota masyarakat.

Kajian empirikal oleh Chazdon, Horntvedt dan Hagemeister (2008) juga telah berjaya menunjukkan bahawa elemen *bonding trust* wujud dalam komuniti Waseca. *Bonding trust* di Waseca terbentuk berasaskan umur, pendapatan dan tahap pendidikan. Golongan muda dikatakan mempunyai *bonding trust* yang kurang berbanding golongan tua. Dapatan kajian ini juga mendapati golongan berpendapatan rendah dan tahap pendidikan yang rendah oleh golongan dewasa telah mempengaruhi tahap *bonding trust* berbanding mereka yang mempunyai pendapatan dan pendidikan yang tinggi. Perkara ini berlaku disebabkan wujudnya jaringan *bonding*. Jaringan *bonding* wujud melalui jaringan keselamatan dan ia lebih diperlukan oleh golongan berpendapatan rendah berbanding mereka yang berpendapatan tinggi.

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan pendekatan modal sosial *bonding* sebagai interaksi secara individu melalui hubungan yang akrab dengan individu yang lain.

Mereka mestilah berada dalam demografi yang sama dan memiliki perasaan seponya. Bentuk interaksi jenis ini membawa kepada hubungan yang berpanjangan dan sangat mempengaruhi tingkah laku seorang individu.

iii. Pembangunan Modal Sosial Dalam Koperasi

Dalam pembangunan luar bandar, Gomez-Limon, Vera-Tascano & Garrido-Fernandez (2012) melihat kepentingan berpersatuan berperanan dalam membina modal sosial yang berkualiti tinggi. Bagi komuniti luar bandar, koperasi menjadi 'kenderaan' dalam mentransformasikan sosio-ekonomi dan merupakan salah satu bentuk institusi bukan kerajaan yang dibangunkan oleh ahli secara bersama-sama (Melece, 2013). Ini menunjukkan koperasi berupaya mencipta dan membangunkan modal sosial.

Modal sosial juga dikaitkan dengan persekitaran persatuan dan mempengaruhi pembangunan kawasan luar bandar yang meninggalkan kesan ke atas perpaduan sosial masyarakat (Adjargo, 2012). Dalam koperasi, modal sosial wujud melalui perpaduan (*the good sense of unity*) dan pemilikan (*feeling of ownership*) wujud di antara ahli koperasi Shrestha (2015). Ahli koperasi percaya bahawa perpaduan (*unity*) atau solidariti (*solidarity*) di antara ahli telah meningkat semenjak mereka menyertai koperasi. Mereka juga percaya bahawa menerusi ikatan yang kuat di kalangan ahli dan prestasi koperasi yang baik dapat menarik orang lain sama ada penduduk kampung yang lain dan orang luar. Menerusi hubungan ini telah mewujudkan satu rasa dan perasaan seperti satu keluarga. Perasaan ini boleh menghakis perasaan hasad dengki dan niat jahat terhadap ahli-ahli terutamanya terhadap pencapaian mereka (Lang & Roessl, 2009).

Kajian Shrestha (2015) lagi, mendapati salah satu bentuk modal sosial adalah *bonding*. *Bonding* wujud menerusi persefahaman di antara ahli. Ahli tidak mempunyai masalah, pergaduhan dan isu mengenai fungsi dan kepimpinan yang wujud dalam koperasi. Malahan juga, tidak timbul diskriminasi dan ketidakadilan berdasarkan kasta, ekonomi, status sosial atau kepercayaan politik di antara mereka. Pada masa yang sama, proses pembentukan modal sosial *bonding* dilihat menerusi tiada penguasaan daripada mana-mana kumpulan atau orang yang mana telah menunjukkan sifat toleransi di antara satu sama lain.

Menurut Aldrich & Meyer (2014), pembinaan modal sosial dikenal pasti menerusi jaringan individu dan komuniti yang membuka ruang untuk pengaksesan pelbagai sumber semasa bencana alam berlaku. Ia termasuklah ruang informasi, sumber kewangan, sokongan emosi dan sokongan psikologi. Kajian oleh Shrestha (2015) pula mendapati bahawa ketika kejadian tanah runtuh dan hujan air batu di kampung Khapaudi telah membawa kepada kebuluran yang mendorong penduduk kampung untuk bersama-sama berganding bahu bagi menangani kesusahan ini. Mereka juga mengadakan perbincangan dengan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan untuk mendapatkan bantuan bagi memulihkan keadaan dari bencana alam tersebut.

Modal sosial *bonding* juga telah dihasilkan menerusi norma timbal balik. Kajian Shrestha (2015) telah mendapati bahawa sikap kerjasama dan tingkah laku di kalangan ahli petani telah meningkat setelah menyertai koperasi. Ahli-ahli akan berusaha untuk membantu rakan-rakan mereka yang berada dalam keadaan kecemasan, menjalankan fungsi sosial dan budaya, dan dalam pelbagai situasi yang memerlukan pertolongan daripada mereka. Menurut Shrestha lagi, para ahli turut menawarkan bantuan dalam bentuk kredit kepada ahli yang mempunyai masalah kewangan. Bantuan menerusi kredit ini dilakukan untuk membantu rakan-rakan ahli untuk memenuhi kuota bulanan koperasi atau bayaran balik pinjaman. Kajian Shrestha (2015) juga mendapati ahli-ahli yang berpengalaman dalam pertanian akan berkongsi pengetahuan dan mengajar pelbagai teknik pertanian kepada ahli yang lain.

Perkongsian pengetahuan di antara ahli ini telah meningkatkan tahap pengetahuan ahli yang lain terutamanya ahli yang baru dan kurang mahir.

Modal sosial *bonding* juga terbentuk menerusi amalan pertukaran tenaga buruh. Menurut Shrestha (2015), amalan pertukaran buruh di Banglung dipanggil sebagai '*purma*' atau '*hudda*'. Amalan ini berlaku apabila ada di antara ahli yang memerlukan tenaga buruh untuk membantu dalam melakukan kerja pertanian mereka. Ini menunjukkan amalan ini berlaku apabila mereka bersama-sama saling membantu untuk melakukan kerja di antara satu sama lain. Pertukaran amalan ini menunjukkan mereka telah mempunyai modal sosial yang kukuh.

Proses pembentukan modal sosial *bonding* juga terbentuk melalui kepercayaan (*trust*) yang wujud diantara ahli. Kepercayaan ini wujud melalui rasa percaya di antara ahli-ahli dalam koperasi. Kajian oleh Shrestha (2015), mendapati bahawa rasa percaya ini timbul melalui peraturan yang dibentuk dalam koperasi dan semua ahli mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Pada masa yang sama, kepercayaan wujud melalui pengurusan koperasi yang berjalan dengan baik. Hal ini telah menimbulkan keyakinan kepada ahli-ahli yang lain. Kesannya, ahli-ahli koperasi menjadi satu dan sama menyebabkan tiada siapa sanggup untuk melakukan penipuan dan memperdayakan rakan-rakan yang lain.

Mesyuarat merupakan aktiviti yang sering dijalankan dalam sesebuah organisasi atau persatuan. Menurut Zanariah Abdol (2010) mesyuarat merupakan satu aktiviti yang dijalankan bersandar kepada komunikasi dua hala antara individu dalam situasi formal. Mesyuarat diadakan dengan tujuan untuk bertukar-tukar fikiran dan pendapat, menyelesaikan masalah berbangkit, membuat keputusan, memberikan maklumat dan mendapatkan maklumat daripada pelbagai pihak. Mesyuarat yang baik dikendalikan dalam suasana yang baik, bersopan dan beradab. Semua butir percakapan akan direkodkan untuk semakan, rujukan dan tindakan selanjutnya. Kajian yang dijalankan oleh Shrestha (2015) mendapati mesyuarat koperasi bulanan yang diadakan setiap lima (5) bulan sebagai forum utama untuk membentuk jaringan dan interaksi. Tujuan mesyuarat ini dijalankan adalah untuk mengumpul dan mengembleng simpanan tetap dan membincangkan hal ehwal berkaitan koperasi. Melalui mesyuarat ini juga ahli-ahli dapat menilai tugas-tugas yang dijalankan oleh ketua di samping membincangkan hala tuju tindakan serta membuat keputusan dalam aktiviti-aktiviti yang bakal dijalankan seperti latihan, dan lawatan secara demonstrasi.

Menurut Shrestha (2015) lagi melalui mesyuarat yang dijalankan memberi peluang kepada ahli-ahli untuk berinteraksi dan berkongsi idea dan maklumat yang memberi kepentingan bersama di antara satu sama lain. Mereka kebiasaan akan membincangkan mengenai isu-isu pertanian berkaitan pemasaran, pembangunan masyarakat tempatan, politik tempatan dan negara dan juga berkaitan rumah tangga. Melalui perbincangan ini dapat membantu membina dan memperkukuhkan jaringan ahli-ahli dan membangunkan norma timbal balik dan kepercayaan diantara mereka.

Selain itu, dialog berkumpulan juga merupakan sebahagian daripada aktiviti yang dapat membangunkan modal sosial ahli yang terlibat dalam organisasi sekaligus menerusi perjumpaan ahli koperasi. Menurut Nelson, Kaboolian & Carver (2003), dialog berkumpulan merupakan satu sesi perbincangan yang dijalankan oleh komuniti, lebih berstruktur daripada perbualan biasa dan ia bercorak tidak formal. Sesi dialog menjadi pengantara kepada ahli dan pihak pengurusan dalam membincang dan membahaskan sesuatu isu dalam organisasi. Ia juga bertujuan untuk mendapat pemahaman yang lebih mendalam terhadap sesuatu isu yang dibincangkan. Penyertaan dalam dialog ini telah mewujudkan kerjasama di antara ahli melalui sesi perbincangan dua hala. Dalam sesi dialog ini juga, kedua-dua belah pihak boleh mengemukakan sebarang pendapat dan menyelesaikan sesuatu masalah atau isu yang timbul melalui rundingan meja bulat.

Mengadakan lawatan merujuk satu sesi kunjung-mengunjung sering dilakukan dalam membentuk interaksi. Menurut Shrestha (2015), para peserta koperasi di Banglung sering melawat koperasi untuk membina interaksi di antara ahli dan pihak berkepentingan lain. Melalui lawatan ini juga mereka dapat bertemu rakan-rakan yang lain untuk mendapatkan perkhidmatan yang sama. Selain itu juga lawatan berlaku apabila ahli melawat ahli yang lain untuk melihat perkembangan tanaman yang dijalankan oleh rakan ahli.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif berbentuk kajian kes. Menurut Kamarul Azmi Jasmi (2012) kajian kes merupakan suatu penyelidikan yang dilakukan terhadap suatu berbentuk program mahupun kejadian yang terikat dengan tempat, waktu atau ikatan tertentu. Menurut beliau lagi, kajian kes dilaksanakan untuk mengumpul data, memperoleh makna, dan memperoleh pemahaman daripada suatu kes. Bentuk kajian kes yang diguna pakai dalam kajian ini berbentuk kajian kes tunggal (*single-case design*) yang menggunakan kaedah temu bual bagi memperoleh maklumat kajian. Kajian berbentuk eksplorasi telah dipilih oleh pengkaji bagi membantu menjawab persoalan kajian. Ini bukan bermaksud bahawa tiada kajian mengenai institusi koperasi terhadap pembentukan modal sosial yang pernah dijalankan sebelum ini tetapi kerana pengkaji mendapati kajian yang meneliti institusi koperasi dalam konteks modal sosial terhadap komuniti masih belum giat dilaksanakan terutama sekali di Malaysia (Sarmila, 2013).

Kajian ini telah memilih sebuah koperasi yang dibangunkan oleh komuniti di Malaysia sebagai kajian kes. Koperasi ini dikenali sebagai Pertubuhan Peladang (PPK) Kawasan Bukit Awang, Jajahan Pasir Puteh, Kelantan. Kajian ini berfokus kepada koperasi pertanian kerana di Malaysia, sektor pertanian merupakan industri primer yang telah lama wujud dan menjadi perintis kepada pembangunan negara setelah sekian lama. Lokasi kajian ini dijalankan di suatu kawasan yang melibatkan komuniti peladang di negeri Kelantan yang merupakan antara negeri termiskin di Semenanjung Malaysia selain daripada negeri Terengganu yang didapati sesuai untuk dikaji dalam konteks pembangunan komuniti. Pada masa yang sama, negeri Kelantan merupakan negeri yang paling banyak penglibatannya dalam sektor pertanian. Dalam kajian ini, PPK Bukit Awang dipilih kerana koperasi ini telah lama dibangunkan daripada tahun 1994 dan berterusan sehingga sekarang. Ini bermakna koperasi PPK Bukit Awang telah lama ditubuhkan dan telah mendapat banyak pengiktirafan di atas kejayaan yang telah dicipta sepanjang penubuhannya.

Bagi memilih informan kajian, pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) telah digunakan bagi tujuan pengutipan data dan jumlah informan juga bergantung kepada ketepuan data yang diperoleh dari setiap individu responden. Ini bermaksud pengkaji terus menambah jumlah responden selagi data yang diperoleh tidak mencapai tahap ketepuan teori iaitu tiada data dan maklumat baru yang akan diperoleh dengan penambahan jumlah responden (Sarmila, 2013).

Berdasarkan kaedah ini, sampel dipilih berdasarkan beberapa ciri-ciri yang ditetapkan iaitu 1) ahli yang mendaftar diri sebagai ahli koperasi Pertubuhan Peladang Kawasan Bukit Awang, 2) ahli bergiat aktif dalam PPK Bukit Awang sepanjang dua tahun dan ke atas dan 3) merupakan petani sepenuh masa. Ahli-ahli yang memenuhi ciri-ciri tersebut layak untuk ditemu bual sebagai informan. Temu bual secara bersemuka bersama 30 orang ahli koperasi telah dijalankan bagi mendapatkan data primer. Naratif temu bual di analisis menggunakan kaedah analisis tematik untuk mendapat makna bagi menjawab persoalan kajian.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian di lapangan telah menemui tiga keupayaan koperasi membangunkan modal sosial *bonding* menerusi hubungan dan interaksi. Hubungan dan interaksi terbentuk menerusi gabungan tema-tema utama iaitu pertemuan sesama ahli (TU-1), menganjurkan program sesama ahli (TU-6) dan memiliki hubungan yang baik sesama ahli (TU-12).

Merujuk kepada naratif responden yang dinyatakan dalam jadual 2, pengkaji telah menggabungkan tiga tema utama. Pengkaji mendapati ahli koperasi sering mengadakan mesyuarat dan berbincang sesama mereka berkaitan dengan hal perladangan. Pertemuan sebegini telah memberi peluang untuk membina hubungan secara bersemuka di kalangan ahli koperasi. Peladang 2 telah mengatakan bahawa mereka akan bermesyuarat apabila musim menanam tiba untuk menetapkan tarikh yang sesuai untuk memulakan proses menanam. Peladang 6 juga mengatakan mesyuarat sesama ahli dikenali sebagai mesyuarat unit. Mereka juga mempunyai tempat khas untuk mereka bermesyuarat dan setiap kali mesyuarat diadakan kedatangan ahli untuk menghadiri mesyuarat yang dianjurkan adalah tinggi iaitu melebihi 20 orang ahli. Naratif ini telah memunculkan tema asas yang dirujuk sebagai sering mengadakan mesyuarat dan berbincang sesama ahli berkaitan dengan hal perladangan (rujuk TA-1).

Sering berkumpul dan berjumpa sesama ahli telah dimaknakan oleh wakil informan sebagai tema asas kedua (TA-2) bagi membentuk kategori makna pertemuan sesama ahli. Tema ini dilihat sebagai pemangkin untuk membentuk interaksi sesama ahli. Menurut peladang 1, jika ada urusan berkaitan dengan tanaman, mereka akan berkumpul di sebuah pondok yang di jadikan sebagai tempat khas bersama rakan ahli yang lain.

Berdasarkan temu bual bersama ahli koperasi di lapangan juga, ahli koperasi didapati membangunkan unit tanaman secara berkelompok untuk aktiviti pertanian yang dijalankan bersama PPK. Menurut peladang 4, menerusi tanaman secara kelompok banyak program dijalankan sesama ahli dan menggalakkan mereka untuk berjumpa. Pada masa yang sama juga peladang 28 turut mengatakan dengan tanaman secara berkelompok memberi banyak faedah kepada mereka dan memudahkan mereka untuk berinteraksi dengan ahli yang lain jika mempunyai masalah berkaitan dengan tanaman (rujuk TA-3).

Pengkaji juga mendapati ahli koperasi sering berkumpul bersama ahli yang lain untuk menjual hasil tanaman mereka kepada PPK. Keadaan ini telah diceritakan oleh peladang 13 iaitu apabila tiba musim memungut lada, mereka akan berkumpul bersama ahli yang lain di satu tempat untuk memudahkan pihak PPK datang memungut hasil tanaman mereka. Melalui cara ini, telah mewujudkan interaksi di antara mereka untuk bersama-sama berkumpul bagi menunggu kehadiran pihak PPK (rujuk TA-4).

Apa yang diperhatikan oleh pengkaji ialah ahli koperasi mempunyai tingkah laku yang positif untuk berkumpul sesama mereka menerusi pertemuan bersemuka. Pertemuan secara bersemuka ini dilihat berlaku dengan mudah apabila ada di kalangan ahli mengajak dan berjanji untuk berkumpul di suatu tempat, maka ahli-ahli yang lain akan datang ke tempat tersebut seperti yang dijanjikan. Bukan itu sahaja, pengkaji juga mendapati para ahli kerap berjumpa di antara satu sama lain menerusi solat berjemaah di masjid. Sehubungan dengan itu, ahli-ahli telah menggambarkan mereka mempunyai hubungan yang erat menerusi pertemuan.

Jadual 2. Tema Utama Kajian

Informan	Tema Asas	Tema Utama
Peladang 2: <i>Mesyuarat kat sini bermula bila kita nak start menanam, nak tetapkan tarikh untuk daftar menanam. Baru dua minggu lepas kami bermesyuarat. Hari Selasa minggu lepas. Kami akan bermesyuarat beramai-ramai di situ (sambil menunjukkan arah ke sebuah bangsal yang kelihatan dari jauh)...</i>	TA-1: Sering mengadakan mesyuarat dan berbincang sesama ahli	Pertemuan sesama ahli (TU-1)
Peladang 1: <i>Kalau ada urusan berkaitan dengan tanaman, dekat sinilah kami berkumpul (sambil menunjukkan pondok tempat makda duduk) dan berpakat buat mesyuarat di sini. Kita akan cuci-cuci dan kemaskan pondok ni untuk berkumpul bagi puak-puak penanam lain. Ada masalah pun, kita akan bincang kat sini.</i>	TA-2: Sering berjumpa dan berkumpul sesama ahli	
Peladang 4: <i>Bagi tanaman kelompok banyak program yang dijalankan. Kalau dekat sini, tanaman kelompok dijalankan. Ahli menanam secara berjemaah dan mudah untuk berjumpa.</i>	TA-3: Membangunkan unit tanaman secara berkelompok	
Peladang 13: <i>Apabila tiba musim memungut lada, pakcik berkumpul dengan orang lain di bangsal itu bersama hasil tanaman yang diperolehi sementara menanti kehadiran van PPK yang akan datang mengambil buah ini. Ramai akan berkumpul di sini. Jadi kita mengenali semua orang di sini sebab berkumpul...</i>	TA-4: Berkumpul sesama ahli untuk menjual hasil tanaman	
Peladang 1: <i>Kami selalu membuat majlis makan-makan ramai-ramai di sini. Orang besar yang selalu datang ke sini pun, kami akan buat majlis makan-makan ketika musim menanam. Bila buat makan-makan, kami sama-sama akan bergotong-royong untuk memasak.</i>	TA-25: Mengadakan majlis keraian sesama ahli	TU-6: Mengajukan program sesama ahli
Peladang 4: <i>Dekat sini kami lakukan solat hajat secara beramai-ramai untuk mula menanam. Ahli-ahli akan dikerahkan untuk berkumpul dan solat beramai-ramai untuk mula menanam. Dari situlah kita dengan ahli menjadi makin rapat...</i>	TA-26: Ahli dalam kelompok mengadakan solat hajat bersama-sama	
Peladang 8: <i>Tidak bergaduh lagi setakat nie. Hubungan dengan ahli lain okay, tak ada yang tak puas hati, kita menanam dan hasil semua bergantung pada rezeki. Kita kena sedar semua tu...</i>	TA-36: Hubungan yang akrab sesama ahli	TU-12: Memiliki hubungan yang baik sesama ahli.

Majlis keraian yang diadakan sesama ahli dapat membentuk hubungan yang erat di antara ahli terutamanya ahli dalam kelompok yang sama. Menurut peladang 1, beliau bersama ahli dalam kelompok sering mengadakan majlis keraian menerusi majlis makan bersama-sama ahli yang lain dan ketika meraikan kedatangan pegawai yang datang ke tempat mereka. Malah beliau mengatakan bahawa apabila mengadakan jamuan makan secara bersama-sama, mereka memasak bersama-sama secara bergotong-royong dengan ahli yang lain. Berdasarkan temu bual bersama peladang 9 juga, beliau dan bersama ahli dalam kelompok kebiasaannya mempunyai tabungan untuk membiayai majlis atau jamuan yang diadakan secara bersama-sama (rujuk TA-25). Ahli koperasi juga turut mengadakan solat hajat bersama-sama ahli yang lain dalam kelompok yang sama sebagai salah satu program untuk mereka. Peladang 4 mengatakan bahawa mereka akan melakukan solat hajat secara

beramai-ramai apabila tiba musim menanam. Semua ahli dalam kelompok mereka akan dikerahkan untuk berkumpul beramai-ramai dan ini merupakan salah satu cara untuk mereka berhubung (rujuk TA-26).

Setelah beberapa tahun terlibat sebagai ahli koperasi, ahli merasakan mereka mempunyai hubungan yang akrab sesama ahli yang lain yang merujuk kepada ahli dalam kelompok yang sama (TA-36). Menurut peladang 8, sepanjang beliau menjadi ahli koperasi dan menjadi ahli kelompok kawasan Gong Kemuning, beliau tidak pernah bergaduh sesama mereka. Hubungan mereka adalah baik dan saling bergantung di antara satu sama lain. Peladang 22 turut menambah dengan mengatakan mereka mempunyai hubungan baik sesama mereka sehingga menghakis perasaan segan di antara mereka. Keakraban ini menyebabkan mereka boleh berbincang dan berkongsi di antara satu sama lain.

Pembentukan Modal Sosial Bonding Komuniti Ahli Koperasi

Hasil kajian ini membantu memantapkan lagi model pembangunan komuniti yang dijadikan panduan dalam kajian ini. Matlamat utama model pembangunan komuniti yang dibangunkan oleh Phillip dan Pittman (2009) bertujuan untuk merungkai proses pembangunan komuniti dan meninggalkan kesan kepada pembangunan komuniti. Melalui kajian ini, pengkaji dapat meninjau realiti sebenar proses pembentukan modal sosial komuniti dengan melibatkan organisasi tempatan sebagai agen pembangunan. Oleh yang demikian pengkaji telah membuat analisa mengenai pembentukan modal sosial terbentuk melalui usaha yang dijalankan oleh koperasi. Pengkaji juga melihat model pembangunan komuniti ini sesuai dijadikan panduan kepada pihak koperasi dan juga ahli dalam koperasi untuk bersama-sama membina dan menjaga hubungan mereka bagi tujuan memperkukuhkan koperasi tersebut dan pada masa yang sama membangunkan komuniti ahli koperasi terlibat.

Tema utama yang paling banyak di sentuh oleh ahli koperasi semasa temu bual dijalankan adalah pertemuan sesama ahli (TU-1) dalam koperasi. Jika dirujuk kepada definisi yang diguna pakai oleh Putnam, modal sosial *bonding* adalah komponen modal sosial yang berkecenderungan untuk mengukuhkan identiti dengan menggerakkan perpaduan, memupuk timbal balik dan mengekalkan kesetiaan secara berkumpulan. Pengkaji pula mendefinisikan modal sosial *bonding* dalam kajian ini sebagai hubungan yang wujud di dalam satu kumpulan komuniti yang memiliki demografi dan ciri-ciri sosioekonomi yang sama, berusaha untuk mengukuhkan identiti dan berkongsi matlamat yang sama. Maka, tiga tema utama iaitu pertemuan sesama ahli, menganjurkan program sesama ahli dan memiliki hubungan yang baik sesama ahli telah dibangunkan bagi memberi gambaran kewujudan modal sosial *bonding* dalam komuniti yang di kaji.


Pertemuan sesama ahli dikenal pasti melalui gabungan empat tema-tema asas iaitu sering mengadakan mesyuarat dan berbincang sesama ahli (TA-1), sering berjumpa dan berkumpul sesama ahli (TA-2), membangunkan unit tanaman secara kelompok (TA-3) dan berkumpul sesama ahli untuk menjual hasil tanaman (TA-4) (rujuk Rajah 1). Melalui mesyuarat dan perbincangan sesama ahli akan mewujudkan interaksi berlaku. Green & Haines (2012) melihat dalam aspek struktur sosial terdiri dari jaringan sosial. Jaringan social akan membentuk tindakan kolektif terhadap komuniti. Tindakan kolektif terhasil menerusi indikator modal sosial seperti menghadiri mesyuarat yang dijalankan dalam organisasi tempatan. Keadaan ini bertepatan untuk menggambarkan elemen modal sosial yang telah wujud dalam komuniti.

Kekerapan pertemuan di dalam komuniti juga seperti yang digambarkan menerusi tema sering berjumpa dan berkumpul sesama ahli (TA-2), membangunkan unit tanaman secara berkelompok dan berkumpul sesama ahli untuk menjual hasil tanaman (TA-3)

menunjukkan kewujudan berlakunya interaksi sosial di dalam komuniti. Pernyataan ini bertepatan dengan Green & Haires (2012) yang mengatakan bahawa melalui bersua muka akan membuka peluang untuk berinteraksi di antara mereka. Selain itu, dapatan kajian ini berpadanan dengan pandangan Sarmila et al, (2015) yang melihat menerusi interaksi yang berlaku secara berulang-ulang dalam sesebuah komuniti dapat membentuk modal sosial komuniti. Proses pelaksanaan aktiviti yang dijalankan oleh koperasi berasaskan kekerapan pertemuan sebagaimana yang telah berlaku dalam kajian ini juga boleh dipadankan dengan pandangan Dhesi (2000) yang mengatakan bahawa modal sosial seperti modal yang lain memerlukan pelaburan dari segi masa dan tenaga. Jika masa dan tenaga lebih banyak diperuntukkan bagi tujuan ini, pasti akan lebih tinggi tahap modal sosial dalam komuniti tersebut (Sarmila, 2013). Interaksi yang berulang-ulang seperti yang dinyatakan dalam tema asas TA-1, TA-2 dan TA-3 telah menggambarkan pelaburan masa yang telah dilakukan oleh ahli koperasi bagi memperkukuhkan lagi modal sosial komuniti tersebut.

Selain itu, menganjurkan program sesama ahli merupakan salah satu aktiviti yang dapat mewujudkan interaksi dalam komuniti. Tema asas mengadakan majlis keraian sesama ahli (TA-25) dan mengadakan solat hajat sesama ahli (TA-26) merupakan aktiviti yang telah di jalankan oleh ahli koperasi bagi memberi gambaran bahawa modal sosial *bonding* wujud dalam kajian ini. Menurut Green & Haires (2012) modal sosial *bonding* merupakan salah satu cara untuk membawa komuniti yang telah mengenali di antara satu sama lain untuk bersama-sama mencapai kekuatan matlamat hubungan yang telah wujud.

Rajah 1: Pembentukan Modal Sosial *Bonding*



Memiliki hubungan yang baik sesama ahli juga melalui tema asas hubungan yang akrab sesama ahli turut dijumpai dalam kajian ini (TA-36). Hubungan yang akrab ini berpadanan dengan pandangan Granovetter (1974) yang turut mengaitkan dengan pelaburan besar dari segi masa dan tenaga dan membantu untuk memudahkan urusan terutamanya dari segi sokongan emosi dan mewujudkan rasa percaya di antara individu (dalam Green & Haires, 2012).

KESIMPULAN

Hasil kajian ini dapat menyimpulkan bahawa koperasi pertubuhan peladang berupaya membentuk modal sosial *bonding* komuniti ahli koperasi melalui aktiviti yang dijalankan dalam koperasi. Modal sosial *bonding* terbentuk dalam kajian ini menerusi hubungan yang terbentuk dalam komuniti iaitu ahli koperasi yang berada dalam kelompok yang sama yang terdiri dari golongan individu terdekat seperti ahli keluarga, jiran tetangga dan memiliki demografi yang sama. Aktiviti yang dilaksanakan koperasi juga telah mewujudkan peluang bagi komuniti untuk berhubung di antara satu sama lain dan membuka ruang untuk mengembangkan hubungan dengan hubungan yang baru. Hasil kajian ini menunjukkan hubungan yang wujud sesama ahli melalui aktiviti yang dilakukan bersama-sama telah membentuk modal sosial *bonding* dan meninggalkan kesan terhadap penglibatan mereka dalam koperasi serta membangunkan keupayaan ahli untuk bertindak terutamanya meningkatkan sosioekonomi ahli.

RUJUKAN

- Abu Sufian Abu Bakar & Anizah Md Ali. 2004. Kepentingan Modal Sosial dalam Pertumbuhan Ekonomi. *IJMS 11 (SPECIAL ISSUE)*.
- Adjargo G. 2012. Social capital: An Indispensable Resource in Ghana. *Journal of Sustainable Development in Africa*. 14(3).
- Aldrich, DP & Meyer, M. A. 2014. Social Capital and Community Resilience. *American Behavioral Scientist*.
- Bullen, P. & Onyx, J. 2005. Measuring Social Capital in Five Communities in NSW, A Practitioner Guide.
- Burt, R.S. 1992. The Social Structure of Competition. Chapter 2. Network and Organizations.
- Chazdon, S., Allen, R., Horntvedt, J. & Scheffert, R. D. 2008. *Waseca Assessing Social Capital: Results and Insights for Action*. Our Community Assessing Social Capital University of Minnesota Extension.
- Dhesi AS. 2000. Social capital and community development. *Community Development Journal* 35(2), 199-204.
- Fukuyama, F. 2001. *Social Capital, Civil Society, and Development*. Third World Quarterly, 22(1):7-200.
- Gomez-Limon, J. A, Vera-Toscano, E., & Garrido-Fernandez. 2012. Farmers' Contribution to Agricultural Social Capital: Evidence from Southern Spain. Working paper series. www.iesa.csis.es.
- Green, G.P & Haines, A. 2012. *Asset Building & Community Development*. 3rd Edition. New York: Sage Publication.
- Hasbullah, J. 2006. *Social Capital: Menuju Keunggulan Budaya Manusia Indonesia*. Jakarta: MR-United Press.

- Helliwell, J. F. 2001. Social Capital, The Economy and Well-Being.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2012. Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif. Dalam *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012* at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012. Organized by Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.
- Lang, R & Roessl, D. (2009). The Role of Social Capital in the Development of Community-Based Cooperatives. 4th International Conference on Economics and Management of Networks (EMNet), Sarajevo, Bosnia-Herzegovina, 03.-05.09.
- Levitte, M. Y. 2004. Bonding Social Capital in Entrepreneurial Developing Communities-Survival Networks of Barriers?. *Journal of the Community Development Society*, 35(1), 44-64.
- Melece, L. 2013. Agricultural Cooperative For Social Development In Livia. *Organizational Management: System Research*.
- Nelson, B. J, Kaboolian, L. & Carver, K A. 2003. How to Build Social Capital Across Communities. The Concord Handbook.
- Noorasiah Sulaiman, Siti Fairuz & Mohd. Nasir Mohd. Saukani. 2015. Impak Modal Sosial Terhadap Kumpulan Pendapatan Isi Rumah Di Malaysia. *Prosiding Perkem 10*: 74-84.
- Phillips R, & Pittman R. H. 2009. *An Introduction To Community Development*. New York : Madison Ave, Abingdon Usa.
- Rahmah Ismail, Ishak Yussof & Mohd Nasir Saukani. 2011. *Modal Sosial dan Agihan Pendapatan Isi Rumah di Semenanjung Malaysia*. *Prosiding Perkem IV*, Jilid 1 (2009) 158-168.
- Rankin, M & Russell, I. 2010, 'Building sustainable farmer cooperatives in the Mekong Delta, Vietnam: is social capital the Key?'.
<https://www.scribd.com/document/143529682/Building-Sustainable-Farmer-Cooperatives-in-the-Mekong-Delta-Is-Social-Capital-the-Key>
- Putnam, Robert. 1993. *Making Democracy Work: Civic Traditions in Modern Italy*. Princeton, NJ: Princeton University Press.
- Salles, M.C & Geyer, Y. 2006. Community-Based Organisation Management. Handbook Series for Community-Based Organisation.
- Sarmila Md Sum. 2013. Pembangunan Komuniti Melalui Inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR): Kajian Pengalaman Peserta Projek Perladangan Cili Kontrak di BukitAwang, Pasir Puteh Kelantan. Tesis Dr. Fal. Universiti Sains Malaysia.
- Sarmila MS, Zaimah R, Novel Lyndon, Azima AM, Suhana Saad & Rosniza Aznie Che Rose. 2015. Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dan pembangunan modal sosial komuniti: Kajian kes projek CSR perladangan cili kontrak. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space* 11(7):104 - 115.
- Shrestha R. K. 2015. Building Social Capital Within The Framework of Agricultural Cooperatives Development In Rural Nepal. Thesis Dr.Phil. The University of Queensland.
- Valentinov, V. 2004. Toward a Social Capital Theory if Co-operative Organisation. *Journal of Co-operative Studies*, 37(3): 5-20.
- Woolcock, M. 2001. The Place of Social Capital in Understanding Social and Economic Outcome. *Spring. Printemps*.
- Woolcock, M. & Narayan, D. 2000. Social Capital: Implications for Development Theory, Research and Policy. *The World Bank Observer* 15:225-49.
- Zanariah Abdol. 2010. Panduan Pengendalian Mesyuarat, tahun 2010.

Maisarah Che Ahmed,

Pelajar Sarjana Falsafah di Pusat Penyelidikan Kelestarian Sosial, Persekitaran dan Pembangunan,

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia.

maisarah@siswa.ukm.edu.my

Sarmila Md. Sum (PhD),

Pensyarah Kanan di Pusat Penyelidikan Kelestarian Sosial, Persekitaran dan Pembangunan,

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia.

sarmila.mdsun@ukm.edu.my

Sivapalan Selvadurai (PhD),

Professor Madya di Pusat Penyelidikan Kelestarian Sosial, Persekitaran dan Pembangunan,

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia

sivap02@gmail.com